

***Bismillahirrahmanirrahim***

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh***

**Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.**

**Terima kasih kepada juruacara majlis hari ini iaitu Encik Mohd Fazil bin Saad & Puan Maryafatnin binti Ibrahim dan kumpulan koir dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. Terima kasih kepada Dato' Johari Jamaluddin dan pegawai-pegawai beliau.**

**YBhg. Datuk Othman bin Hj Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha,**

**YBrs. Setiausaha-setiausaha Bahagian,**

**Ketua-ketua Jabatan,**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.**

**2. Terdapat pembaharuan dalam montaj pada hari ini dan lagu baru Wilayah Persekutuan. Insyaallah, lama kelamaan kita akan biasa dengan lagu tersebut. Kelihatan di montaj tersebut dipaparkan pelbagai lokasi seperti di Labuan dan Putrajaya. Bagi Putrajaya, Insyallah dalam waktu terdekat ini, saya menggalakkan Tuan-tuan dan Puan-puan jika ada masa ambil peluang ini untuk melawat Seri Perdana kerana ia selaras dengan kenyataan YAB Perdana Menteri, Seri Perdana adalah milik rakyat (*belongs to Rakyat*). Jadi pegawai-**

pegawai kita sedang membuat penyelarasan yang rapi untuk membuka Seri Perdana ini untuk dilawati oleh rakyat dan juga pelancong daripada luar negara. Kita rancang untuk buka hari ini, tetapi kerana terdapat masalah teknikal yang perlu diselesaikan, insyaAllah dalam bulan ini juga akan dibuka Seri Perdana untuk dilawati oleh seluruh rakyat Malaysia dan pelancong dari luar negara. Banyak perkara yang boleh dibanggakan jika pergi ke Seri Perdana. Di situ kita boleh melihat tempat-tempat yang digunakan oleh YAB Perdana Menteri untuk meraikan ketua-ketua negara, Ketua-ketua Kerajaan yang berkunjung mengadakan perbincangan dan sebagainya. Jamuan untuk Ketua-ketua negara diraikan di situ. Juga terdapat galeri yang menunjukkan barang-barang dan anugerah yang diterima YAB Perdana Menteri dan kita juga akan memasukkan maklumat-maklumat Perdana Menteri sebelumnya. Jadi lawatan ini kita buat mudah sahaja, boleh pergi secara bersendirian, bawa kaum keluarga ataupun buat secara *guided tour*. Jadi YBhg Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan boleh berbincang dengan ketua masing-masing untuk tentukan masa untuk pergi melihat supaya kita dapat menghargai, memahami konsep Seri Perdana sebenarnya. Dan pada masa yang sama juga, KSU Kementerian Wilayah memaklumkan

**bahawa Kabinet telah bersetuju untuk membuka Istana Melawati untuk lawatan orang ramai juga. Ia mungkin mengambil sedikit masa untuk dibuat persediaan. Jadi ambil kesempatan ini untuk pergi melihat dan menghargai Seri Perdana dan Istana Melawati yang akan dibuka nanti.**

**3. Selamat datang dan selamat menjadi sebahagian daripada keluarga besar JPM saya ucapkan kepada penjawat awam yang baru berkhidmat di JPM seperti hebahan sebentar tadi. Bagi yang telah bertukar keluar, sekalung penghargaan atas jasa baik yang dicurahkan selama berkhidmat di JPM dan semoga maju jaya dan terus cemerlang di tempat baru dan bagi mereka yang melanjutkan pelajaran, semoga berjaya. Tahniah juga saya ucapkan kepada mereka yang dinaikkan pangkat. Semoga pengiktirafan (kenaikan pangkat) yang diterima tersebut menjadi pendorong untuk terus berusaha menyampaikan perkhidmatan dengan lebih cemerlang sebagaimana yang diharapkan oleh stake holders dan kita semua selaku rakyat Malaysia.**

**4. Semalam, 12 Rabiul Awal 1432H bersamaan 15 Februari 2011 (Selasa), Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat Kebangsaan telah**

diadakan di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin bertemakan “1 Malaysia 1 Ummah”. Selain untuk menegakkan syiar Islam, Majlis tersebut juga bertujuan untuk mengajak Umat Islam khususnya serta masyarakat Malaysia amnya untuk mengenali, mendekati dan menghayati perjuangan murni Rasulullah SAW membawa Risalah Islam (sebagai satu cara hidup dan rahmat) ke seluruh alam.

5. Sesungguhnya Allah SWT telah berfirman dalam surah Al-Maidah ayat 15 yang membawa maksud *“Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran iaitu Nabi Muhammad, Nabi Allah dan sebuah kitab iaitu al-Quran yang jelas nyata kebenarannya”*. Apabila kita baca dan menghayati sirah Rasulullah SAW ini, kita akan mendapati bahawa baginda amat mengutamakan perpaduan di antara umat berbilang kaum dan agama di Madinah. Sebab itu kita ada Piagam Madinah dan sebagainya yang menyatukan pelbagai suku kaum Arab yang suka berkelahi sepanjang masa sampai sekarang. Tetapi Piagam Madinah itu juga telah membawa perpaduan semasa Rasulullah SAW memimpin Madinah.

6. Dalam konteks yang sama juga Seri Paduka Yang Dipertuan Agong semasa bertitah semalam, baginda mahu rakyat Malaysia mengikis sikap curiga antara satu sama lain dalam usaha kita untuk mengukuh perpaduan dan menghapus sentiman perkauman. Dalam konteks tersebut baginda bertitah...*‘bersamalah kita membina negara yang tercinta dengan nilai kasih sayang dan persefahaman. Perpaduan dan keharmonian yang telah kita bina janganlah kita runtuhkan untuk mencari hanya keuntungan sementara’* Jadi dalam senario semasa negara kita, eloklah kita menghayatinya. Hal yang sama juga telah ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri dalam perutusan sempena sambutan Maal Hijrah yang telah menyentuh usaha-usaha kerajaan dan lain-lain pihak berkepentingan yang telah membawa pulang rakyat Malaysia di Mesir. Jadi hayatilah konsep dan amalan perpaduan yang sentiasa ditekankan oleh Islam seperti yang saya nyatakan tadi.

7. Bertepatan dengan Sambutan Maulidur Rasul SAW, maka tema yang dipilih untuk perhimpunan kali ini adalah berkisar tentang “Akhlaq Mulia Peribadi Terpuji”. Menurut Imam Al-Ghazali, akhlaq adalah sifat yang tertanam di dalam jiwa seseorang, daripadanyalah

terbentuk perbuatan baik dengan mudah. Apabila perbuatan yang terkeluar itu baik dan terpuji menurut Syara' perbuatan itu dinamakan akhlak yang mulia dan begitulah sebaliknya.

8. Akhlak mempunyai kedudukan yang paling penting dalam agama Islam. Islam tanpa akhlak umpama jasad yang tidak bernyawa. Peri pentingnya Akhlak mulia di dalam Islam dibuktikan melalui pengutusan para Nabi dan Rasul sebagai pelopor, penyebar, pendidik dan pembimbing akhlak mulia seawal Nabi Adam A'laihissalam hinggalah kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Dalam konteks ini Allah SWT berfirman;

*"Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu, ada teladan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharap Allah dan hari akhir serta banyak berzikir kepada Allah."* (Al-Ahzab: 21). Rasulullah SAW pula bersabda yang bermaksud

*"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."*(riwayat Bukhari).

9. Firman Allah SWT dan Sabda Rasulullah SAW yang dinyatakan tadi, mengajar kita beberapa perkara penting yang boleh sama-sama kita hayati dan lakukan untuk kebaikan semua.

10. Pertamanya; dalam usaha kita untuk memupuk nilai murni dan memperbaiki akhlak, kewujudan seorang pendidik dan pembimbing yang berkualiti adalah satu kemestian. Dalam konteks keluarga, Ibu bapa adalah pendidik dan pembimbing kepada anak-anak. Dalam konteks perkhidmatan, semua Ketua/Pegawai/Penyelia adalah pendidik dan pembimbing kepada pegawai bawahan mereka dan begitulah seterusnya dalam konteks masyarakat dan negara.

11. Dalam usaha menjadi pendidik dan pembimbing yang berkualiti, perkara yang paling asas yang perlu kita semua kuasai adalah ilmu pengetahuan. Asas kepada ilmu adalah membaca. Banyak membaca, berbincang dan meneliti akan melatih kita menaakul maklumat dan berfikir. Banyak berfikir akan membuat kita faham ilmu dan faham ilmu akan menyuluh kepada faham nilai. Apabila kesemua elemen ini digabungkan maka akan lahirlah kualiti dalam apa jua tindakan kita

lebih-lebih lagi apabila kita bertindak sebagai seorang pendidik dan pembimbing dalam pelbagai konteks yang dinyatakan tadi.

12. Keduanya; Ilmu pengetahuan yang bertunjangkan kekuatan aqliah (akal) semata-mata tidak mencukupi sekiranya tidak disokong dengan kekuatan hati (iman kepada Allah). Dalam Islam, Iman membentuk manusia untuk melihat sesuatu menjangkau pandangan dunia semata-mata. Manusia akan sentiasa ingat bahawa setiap amalan akan diperhitungkan di akhirat kelak. Yang baik akan menerima ganjaran manakala yang buruk akan menerima balasan. Ingatan inilah akhirnya membentuk integriti dalam diri seseorang individu.

13. Manusia yang beriman akan sentiasa menambah ilmu pengetahuan dan menggunakan ilmu pengetahuan sebaik mungkin untuk kebaikan semua.

14. Ketiganya; sebaik-baik akhlak yang perlu kita contohi adalah akhlak Rasulullah SAW. Kehebatan akhlak Rasulullah SAW mencakupi skop yang luas meliputi hubungan manusia dengan

pencipta, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam sekeliling.

15. Dalam konteks pengurusan bakat misalnya, kita perlu mempelajari dan menghayati bagaimana Rasulullah SAW berjaya membentuk satu pasukan yang hebat di kalangan para sahabat walaupun masing-masing mempunyai karakter yang amat ketara perbezaannya di antara satu sama lain (Abu Bakar As Siddiq, Umar Al Khatab, Uthman Affan dan Ali bin Abi Thalib) yang akhirnya mewarisi dan meneruskan perjuangan Baginda ke seluruh pelosok dunia.

Yang Berbahagia Datuk/Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

16. Hari ini dunia menyaksikan peminggiran nilai-nilai sejagat yang tidak lagi dijadikan amalan kehidupan semasa. Di mana-mana sahaja, wujud persengketaan dan konflik yang menggugat keamanan dunia global. Peperangan, konflik kuasa, jenayah terancang dan aktiviti sosial seperti hiburan keterlaluan telah meruntuhkan akhlak masyarakat. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, isu rasuah,

penyelewengan kuasa, pecah amanah dan sebagainya masih berlaku. Keruntuhan nilai murni dan aspek kemanusiaan telah menjejaskan perkhidmatan kita kepada pelanggan.

17. Dalam konteks ini, kita sebenarnya wajib berusaha untuk merubah diri, keluarga dan persekitaran kita ke arah kebaikan. Amalan tegur-menegur secara kebenaran dan penuh kesabaran perlu dijadikan budaya dalam diri dan masyarakat kita. Amalan ini akan lebih berkesan diamalkan sekiranya setiap daripada kita tahu kedudukan dan peranan masing-masing. Bagi yang mempunyai kuasa gunakanlah kuasa yang diamanahkan dengan adil dan saksama untuk kebaikan bersama. Bagi yang tidak mampu, gunalah lisan dan tulisan dan bagi yang tidak mampu lagi, setidak-tidaknya ambil yang baik sebagai teladan dan yang buruk dijadikan sempadan.

18. Kepentingan akhlak mulia dan peribadi yang terpuji sentiasa menjadi perhatian utama dalam agenda pembangunan negara. Dalam Perkhidmatan Awam sendiri, pelbagai dasar telah digubal untuk memupuk akhlak mulia di kalangan penjawat awam. Dasar Penerapan Nilai Islam, kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni, latihan-latihan

berbentuk pembangunan sahsiah diri dan pemantauan disiplin penjawat awam melalui peraturan-peraturan tata tertib misalnya adalah bertujuan untuk memastikan kita semua mampu menjadi pemberi khidmat yang mempunyai peribadi terpuji seiring dengan pembangunan dan kemajuan fizikal negara.

19. Kita mahu meraih kejayaan tanpa mengabaikan nilai-nilai murni dan akhlak terpuji. Kita juga mahu melahirkan individu yang berhemah tinggi dan berketerampilan yang boleh menjadi *role model* untuk dijadikan contoh. Hal ini amat penting dalam Perkhidmatan Awam memandangkan kita semua merupakan tonggak pentadbiran negara. Oleh itu, warga Perkhidmatan Awam mempunyai peranan yang besar dalam usaha untuk menyemarakkan semula pengamalan budi bahasa dan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian dan juga di persekitaran tempat kerja. Usaha sebegini penting, bagi merealisasikan strategi mengimbangi pembangunan fizikal negara dengan pembangunan insaniah seperti yang dihasratkan.

20. Mudah-mudahan dengan kemuliaan akhlak dan peribadi, bangsa Malaysia bukan sahaja mampu mencapai Wawasan Negara

seperti yang dihasratkan sebaliknya mampu menjadi contoh kepada negara-negara lain di dunia ini kerana sebagaimana kita semua sedia maklum, kita kini berada dalam dunia yang semakin kecil akibat daripada globalisasi dan kepesatan teknologi ICT dan apa sahaja yang berlaku di dalam dunia hari ini pasti memberi kesan kepada semua negara baik secara langsung mahupun tidak.

21. Kejayaan sesebuah bangsa dan negara amat berkait rapat dengan nilai yang ada dalam minda dan diri setiap kita semua yang menjadi rakyatnya. Setinggi mana pun kreativiti dan Inovasi yang berjaya dihasilkan pastinya hebat jika berpaksikan pada nilai-nilai yang murni.

22. Akhir kata, Saya percaya bahawa akhlak mulia dan peribadi terpuji setiap penjawat awam di samping nilai-nilai murni yang selama ini diamalkan akan melahirkan warga Perkhidmatan Awam yang mempunyai personaliti positif, berfikiran terbuka serta bertanggungjawab selaras dengan usaha mewujudkan perkhidmatan yang berteraskan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

**Sekian.**

***Wabillahittaufiq walhidayah,***

***Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh***